

30/08/1997

Berusaha majukan Kelantan: PM

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu seluruh jentera Umno Kelantan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengubah sikap mudah puas hati dan hidup ala kadar rakyat negeri ini yang berakar umbi sejak sekian lama.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, usaha itu penting bagi membolehkan Umno melipatgandakan usaha membawa kemajuan kepada mereka.

"Ahli Umno Kelantan hendaklah berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan dan cara baru menghadapi cabaran zaman perubahan ini.

"Tabiat dan cara lama dalam menangani kehidupan yang boleh menghalang kemajuan selama ini hendaklah dikikis sama sekali," kata Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), di sini hari ini dalam kata-kata aluan menerusi buku cenderamata sempena Konvensyen Umno/BN Kelantan '97 yang bermula semalam.

Konvensyen dua hari itu dirasmikan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Pengerusi BN Negeri. Ia akan ditutup Perdana Menteri petang ini.

Menurut Dr Mahathir, Umno, sebagai parti yang menjadi tulang belakang pemerintahan negara dan pembela bangsa, hendaklah membuat persediaan yang teliti, kemas dan kental dalam menghadapi perubahan di sekeliling.

"Sekarangpun, tempias perubahan zaman sudahpun berlaku," katanya. - Bernama

(END)